

Strategi martabat bahasa Malaysia

B-4 9/7/09 M15 1

Sains, Matematik kembali diajar dalam BM pada 2012

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kabinet semalam meluluskan strategi baru untuk memartabatkan bahasa Malaysia serta memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan.

Ini selaras dengan keputusan kerajaan untuk melaksanakan semula Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia, berkuat kuasa pada 2012.

LIHAT MUKA 4



LAGI DI DALAM

- Reaksi Dr M
- Muka 4
- Gapena beri tuisyen BI percuma
- Muka 6

MUHYIDDIN menunjukkan laporan strategi memartabatkan bahasa Malaysia serta memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan.

Kelemahan PPSMI

■ Peraturan penggunaan bahasa Inggeris adalah antara 53 hingga 58 peratus daripada keseluruhan masa yang diperuntukkan bagi subjek Sains dan Matematik.

■ Hanya sebahagian guru Matematik dan Sains di sekolah menengah dan rendah yang

mengambil ujian Penilaian Tahap Profisiensi bahasa Inggeris pada 2008 mencapai tahap profisiensi.

■ Peraturan murid yang mendapat gred A, B dan C bagi mata pelajaran Sains dalam UPSR 2008 merosot daripada 85.1 peratus kepada 82.5 peratus bagi

sekolah bandar dan daripada 83.2 peratus kepada 79.7 peratus sekolah luar bandar.

■ Peraturan murid yang mendapat gred A, B dan C bagi mata pelajaran Sains dalam UPSR 2008 untuk subjek Matematik bagi murid bandar merosot

daripada 84.8 peratus kepada 80.9 peratus, luar bandar merosot daripada 80.9 peratus kepada 77 peratus.

■ Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dalam subjek Sains dan Matematik semakin melebar.